

41

**Kerajaan
terpaksa
belanja
\$4,000 juta
jika semua
tuntutan
UM - 4 MAC 1975
dipenuhi**

KUALA LUMPUR 3 Mac. — Kementrian Pelajaran menjelaskan semalam ia terpaksa membelanjakan \$4,000 juta sekiranya hendak menunaikan tuntutan gaji guru-guru, kehendak rakyat membaharui sekolah serta melengkapkan alat perabut danengkapan sukan dengan sepenuhnya.

Menteri berkenaan, Dr. Mahathir Mohamad berkata, tetapi buat masa ini kementeriannya tidak dapat menunaikan sebanyak itu segala permohonan yang dikemukakan.

Penjelasan ini dibuat berikutan dengan ucapannya kepada Jawatankuasa Pemuda dan Wanita UMNO Bahagian Batu Berendam dan Kota Melaka kelmarin. Kenyataan Dr. Mahathir ini dikeluarkan menerusi Pegawai Perhubungan Awam kementerian itu, Encik Johari Haji Hussein.

Dr. Mahathir disebut sebagai berkata perbelanjaan sebanyak \$4,000 juta itu diperlukan jika ditunaikan tuntutan gaji guru, melengkapkan alat sekolah dan membaharui sekolah.

"Tetapi memandangkan peruntukan yang ada hari ini \$1,200 juta atau 24 peratus dari seluruh belanjawan negara tentulah tidak mencukupi untuk belanja," katanya.

Bagaimanapun, pihak kementerian akan berusaha sedaya upaya yang boleh untuk mengatasi masalah-masalah tersebut dengan perbelanjaan yang diperuntukkan itu.